

WANITA DAN PERKAHWINAN DALAM ISLAM

Arif Fahmi Mohd Isa
Muhd. Aizat Yahya
Kamarul Azmi Jasmi

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

Suggested Citation:

Mohd Isa, A. F., Yahya, M. A., & Jasmi, K. A.(2012). Wanita dan Perkahwinan dalam Islam in *Prosiding Seminar Tamadun 2012* at Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia on 21 April 2012, pp. 41-52. ISBN 978-967-0194-19-6.

Abstrak

Perbincangan pada kali ini lebih banyak membincangkan soal perkahwinan dalam kalangan masyarakat seharian dan kesannya pada masa akan datang serta tujuannya mengikut pandangan agama, Islam. Di samping itu, perbahasan kali ini menumpu kepada kepentingan dan hak-hak wanita dalam rumah tangga ketika sebelum, semasa dan selepas (bercerai atau kematian suami) mendirikannya pada pandangan Islam. Ini adalah penting bagi mereka supaya untuk menjaga hak serta kepentingan mereka dalam perkahwinan sekiranya berlaku permasalahan dalam berumah tangga. Dari sudut lain, ini amatlah adil bagi seseorang wanita itu bagi memiliki hak yang tertentu dalam mahligai yang dibina agar wujudnya keadilan dan kesaksamaan bagi suami dan isteri.

WANITA DAN PERKAHWINAN DALAM ISLAM

Arif Fahmi Mohd Isa
Muhd. Aizat Yahya
Kamarul Azmi Jasmi

ABSTRAK

Perbincangan pada kali ini lebih banyak membincangkan soal perkahwinan dalam kalangan masyarakat seharian dan kesannya pada masa akan datang serta tujuannya mengikut pandangan agama, Islam. Di samping itu, perbincangan kali ini menumpu kepada kepentingan dan hak-hak wanita dalam rumah tangga ketika sebelum, semasa dan selepas (bercerai atau kematian suami) mendirikan pada pandangan Islam. Ini adalah penting bagi mereka supaya untuk menjaga hak serta kepentingan mereka dalam perkahwinan sekiranya berlaku permasalahan dalam berumah tangga. Dari sudut lain, ini amatlah adil bagi seseorang wanita itu bagi memiliki hak yang tertentu dalam mahligai yang dibina agar wujudnya keadilan dan kesaksamaan bagi suami dan isteri.

PENDAHULUAN

Perkahwinan dan wanita adalah satu hubungan yang akrab dan perkara yang diketahui umum. Mengapakah wanita yang dibincangkan dalam soal perkahwinan kali ini? Wanita seperti mana yang sekalian sedia maklum ialah merupakan seorang insan yang lemah dan lembut. Tetapi mereka memiliki pelbagai tanggungjawab yang harus dipikul walaupun diusia muda apatah lagi diusia yang meningkat dewasa dan tua.

Perbincangan kali ini melibatkan tentang hak-hak wanita itu sendiri dalam soal perkahwinan, sebelum, semasa dan selepas membina

mahligai cinta bersama suami yang dicintai dan disayanginya. Hal ini amatlah penting dari sudut Islam kerana peranan wanita itu sendiri yang harus memikul beban atau tanggungjawab yang besar setelah berkahwinan terutamanya kepada suami dan anak-anaknya. Antara ayat yang berkait rapat antara al-Quran dan perkahwinan ialah:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ

بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٣١﴾

Maksud: “Dan antara tanda-Nya adalah ini bahawa Dia menciptakan isteri bagi kamu dari jenis kamu sendiri yang anda mungkin dapati rehat, ketenangan fikiran dan Dia jadikan antara kamu perasaan kasih sayang dan rahmat. Sesungguhnya, inilah tanda-tanda bagi orang yang berfikir bagi orang-orang yang berfikir “

(Surah al-Rum, 30: 21)

Ayat ini menjelaskan bahawa peranan wanita untuk menjadi ketenangan bagi lelaki dalam perkahwinan.

WANITA DAN PERKAHWINAN DALAM ISLAM

Wanita diumpamakan intan dan berlian ini bumi yang nyata ini. Wanita pada masa kini berubah dari segi pemikiran dan sosial dalam sesebuah masyarakat seiringan kaum Adam menerajui dan meneroka arus permodena yang kian maju. Perubahan yang dikecapi dapat dilihat antaranya seperti memegang jawatan dalam tampuk pentadbiran Negara, jawatan penting dalam sesebuah syarikat malahan ada sebahagian daripadanya menjadi pembimbing kepada kaum Adam untuk berada sehaluan maju ke hadapan bersama mereka.

Kebahagiaan dan kesenangan didunia ini dapat dikecapi dengan pelbagai cara. Salah satunya ialah perkahwinan. Dari sudut pandangan Islam, dalam kitab suci al-Quran dinyatakan bahawa untuk mencapai kebahagiaan dan kesempurnaan dalam kehidupan ialah melalui hubungan suami-isteri ataupun berkahwin. Berkahwin dapat

menjauhan seseorang itu daripada terjerumus ke dalam lembah kemaksiatan disamping mendapat keberkatan daripada Yang Maha Esa.

Menurut Wikipedia Online (2012) perkahwinan atau nikah jika dilihat dari sudut bahasa ialah berkumpul dan bercampur. Manakala menurut istilah syarak pula ialah Ijab dan Qabul ('aqad) yang menghalalkan persetubuhan antara lelaki dan perempuan yang diucapkan oleh kata-kata yang menunjukkan nikah, menurut peraturan yang ditentukan oleh Islam. Dalam al-Quran, Allah S.W.T. berfirman yang bermaksud sesungguhnya Allah S.W.T. menjadikan manusia itu berpasang-pasangan, menghalalkan perkahwinan dan mengharamkan zina.

Ini menunjukkan betapa pentingnya sesuatu perkahwinan itu pada agama yang suci ini, Islam. Dalam kehidupan seharian, masyarakat berfikir bahawa mereka patut tinggal secara berpasang-pasangan yang bererti seseorang individu lelaki mahupun wanita perlu saling mengahwini antara satu sama yang lain dan hidup bahagia dalam sesebuah kumpulan. Islam merupakan sebuah agama yang menyeluruh. Islam menyatakan betapa pentingnya sesuatu perkahwinan itu yang sangat disyorkan atas alasan agama, moral dan social.

Hubungan keakraban dan keintiman lelaki dan wanita akan bertambah kukuh dengan terjalannya hubungan perkahwinan. Perkahwinan dapat mengajar mereka supaya saling menghormati antara satu sama yang lain dan meningkatkan lagi persefahaman dalam menguruskan rumah tangga itu sendiri.

Perkahwinan dalam Islam boleh dianggap seperti ikatan yang kukuh dan mempunyai komitmen yang menyeluruh dalam kehidupan, masyarakat serta menjadi seseorang individu yang disanjung dan dihormati. Hal ini merupakan janji bahawa pasangan suami isteri itu akan memenuhi keinginan antara satu sama lain dan juga kepada Tuhan. Aku janji ini menjadi titik tolak bagi pasangan yang sudah berkahwin yang membolehkan mereka mencari keperluan dan kesedaran diri, kasih sayang dan keselesaan serta harapan dalam menjalani kehidupan seharian (Jawad H. A., 1998: 30). Hal ini adalah pada asasnya perkahwinan dalam Islam adalah satu pengamalan atau perbuatan yang soleh dan merupakan pengabdian yang lengkap kepada Ilahi.

Selain itu, pada pandangan Islam perkahwinan antara lelaki dan wanita member keutamaan kepada keselamatan ekonomi wanita itu sendiri. Wanita perlu memikul banyak tugas dan tanggungjawab dalam kehidupan seharian. Mereka memerlukan seseorang individu untuk menjaga dan mengawal keselamatan dari pelbagai sudut pandangan. Islam tidak pernah menyekat kaum Hawa ini daripada melakukan apa sahaja pekerjaan atau tugas selagi ia masih tidak terpesong dengan akidah itu sendiri.

Penekanan yang utama disini ialah manfaat bagi wanita dalam perkahwinan tidak hanya merujuk kepada transaksi ekonomi semata-mata malahan faktor ekonomi adalah aspek yang paling kurang dititikberatkan, penekanan yang utama ialah kualiti agama bagi pasangan suami isteri tersebut. Islam sangat mementingkan agama kerana dengan agama, individu itu tidak akan melakukan sesuatu yang perkara yang boleh mendatangkan kemurkaan kepada Allah S.W.T.

Bagi golongan lelaki, Rasulullah s.a.w. pernah bersabda, "Seorang wanita itu dinikahi kerana empat; kerana hartanya, kerana keturunannya, kerana kecantikkannya dan kerana agamanya. Maka hendaklah kamu mengutamakan yang beragama, nescaya kamu berbahagia." Riwayat imam Bukhari dan Muslim

Secara terang Rasulullah s.a.w. mengarahkan agar seorang lelaki memilih wanita yang beragama sebagai isteri serta menjanjikan kebahagiaan ke atas pilihan yang berasaskan agama.

Dalam sesebuah keluarga Islam yang memenuhi segala arahan atau perintah agamanya tinggal, dalam keharmonian dan saling berkasih sayang antara satu sama lain. Setiap ahli keluarga saling menolong antara satu sama lain dalam membimbing kearah jalan yang benar dan diredhai-Nya (Abduljalil Hamid, 1997: 8).

SIGNIFIKAN PERKAHWINAN DALAM ISLAM

Islam merupakan sebuah agama yang adil dan saksama dalam semua perkara tanpa mengira jantina mahupun agama yang lain. Pandangan Islam terhadap perkahwinan adalah memberi keutamaan kepada kedua-dua belah pihak serta meletakkan keutamaannya kepada masyarakat.

Perkahwinan bukan sebuah perkara yang boleh diambil mudah oleh setiap pasangan. kursus, tetapi bukan sahaja pengekalan fizikal individu itu sendiri malahan institusi perkahwinan memastikan bahawa fungsi ini membiak dengan teratur dan terurus. Manakala dari sudut pandangan agama, memiliki anak mestilah melibatkan kesedaran terhadap perintah Tuhan serta memenuhi seruan Nabi Muhammad terhadap perkahwinan. Baginda menyeru umatnya untuk memiliki anak adalah supaya dapat menambahkan lagi pengikut atau penganut ajaran yang suci ini agar agama ini dapat berkembang teguh disamping mendapat keberkatan dan syafaat daripada anak-anak yang dilahirkan.

Di samping itu, keinginan berseksual seseorang juga antara kepentingan perkahwinan yang amat diambil berat oleh masyarakat terutamanya yang beragama Islam. Hal ini kerana melalui jalinan perkahwinan, ia dapat menghindari seseorang itu daripada terjerumus kedalam lembah kemaksiatan disamping mendapat kemurkaan daripada Allah S.W.T.

Islam berpandangan bahawa perkahwinan dapat membantu individu sama ada lelaki mahupun wanita dalam mengawal keghairahan untuk melakukan seks dan berada ini landasan yang betul. Melalui perkahwinan, terjalannya sebuah ikatan yang suci antara lelaki dan wanita setelah dinikahkan dengan aqad yang menghalalkan hubungan antara mereka dan dapat menjauhkan diri mereka daripada melakukan perkara yang diluar batasan.

Pernah diceritakan dalam sebuah buku yang bertajuk 'Women Finally on The Shores of Islam' karya Muhammad Rasheed al-Uwayyed, halaman 46 yang mengisahkan tentang seorang wanita warga Itali yang beroleh kebahagiaan dan ketenangan setelah mengahwini suami yang Islam. Wanita yang dahulunya beragama kristian dan sering menganggap agama Allah ini merupakan sebuah agama yang ekstrem atau ganas. Setelah berkenalan dengan suaminya, seorang yang beragama Islam, beliau melihat suaminya seorang yang penyabar, baik hati dan dia seorang yang berbelas kasihan. Suaminya seorang yang agak pendiam dan sering menolong antara satu sama lain tanpa mengira agama. Setelah memeluk Islam dan berkahwin dengan suaminya,

wanita itu mendapati hidupnya makin terurus, bahagia dan tenang jika dibandingkan dengan sebelumnya.

Keintiman dalam perkahwinan yang ada dalam pasangan tersebut mengajar kita betapa pentingnya untuk meringankan beban mereka dan dengan itu membolehkan minda mereka lebih fokus kepada pencapaian ilmu Ilahi.

Adalah mustahil sekiranya seseorang menyatakan bahawa kehidupan mereka lengkap tanpa melalui perkahwinan. Ia mungkin hanya luahan sahaja tetapi hakikatnya adalah jauh berbeza. Kepentingan perkahwinan dinyatakan sebagai pelengkap kehidupan adalah kerana peranan pasangan yang dapat membantu untuk menutupi kelemahan diri anda. Setiap manusia dilahirkan pasti mempunyai kelebihan dan kekurangan yang tersendiri. Melalui perkahwinan, ikatan kasih sayang antara suami isteri dapat membantu antara satu sama yang lain selain menjadi pelengkap kehidupan sesame pasangan.

Selain itu, dengan adanya perkahwinan seseorang individu tidak kira lelaki mahupun wanita itu tidak akan berasa kesunyian. Dari segi luaran, semua ini kelihatan seolah tidak member kesan apa-apa kepada individu itu kerana masih memiliki keluarga. Namun pada hakikatnya sebagai manusia yang normal, seseorang itu tetap akan merasa kesunyian dengan ketiadaan saudara yang terdekat disaat memerlukan. Oleh itu, perkahwinan dapat memenuhi ruang kesunyian antara satu sama yang lain.

Kebaikan yang ketiga dalam perkahwinan ialah mencapai kesejahteraan jiwa melalui jalinan keintiman dengan wanita, kerana duduk dan bergurau dengan mereka. Perkahwinan juga mengajar seseorang individu itu supaya menjadi lebih dewasa dan bertanggungjawab atas segala beban yang perlu ditanggung setelah berkahwin. Sebelum ini, bermula dengan seorang bayi, kemudian membesar meningkat dewasa sehinggalah menjadi suami dan isteri yang memikul tanggungjawab yang besar setelah berumah tangga. Perkahwinan merubah corak pemikiran seseorang itu supaya menjadi lebih matang dalam menguruskan segala hal ehwal yang melibatkan urusan rumah tangga mahupun hal ehwal yang lain. Hal ini sangat penting bagi seseorang itu kerana perlu memimpin sebuah

kumpulan yang besar setelah mempunyai zuriat dan menjadi perwatakan contoh kepada zuriatnya.

Islam sangat mengambil berat tentang pentingnya perkahwinan dalam hidupan setiap individu kerana dapat memberi kebahagiaan kepada seseorang itu di dunia dan di akhirat.

SYARAT PERKAHWINAN

Islam merupakan sebuah agama yang menyeluruh dan tegas terhadap sesuatu perkara yang boleh memberi kemudaratan jika tidak dipandu dengan betul. Antaranya termasuklah dalam perkahwinan. Penekanan adalah sangat perlu dan penting dalam hal-hal yang berkaitan tentang penyatuan dua insan yang sebelum ini bukan mahram antara satu sama yang lain kemudian disatukan dengan pernikahan yang menghalalkan hubungan antara mereka.

Umur yang Sesuai

Pada pandangann Islam, pasangan yang ingin berkahwin perlulah mempunyai umur yang sesuai untuk berkahwin kerana kematangan seseorang itu amatlah penting dalam kehidupan berkeluarga. Tiada sebarang percanggahan dalam perbezaan umur antara si lelaki mahupun si wanita. Cuma penekanan perlu bagi sebahagian ulama berpendapat bahawa perbezaan umur adalah sesuatu yang boleh diabaikan tetapi adalah elok bagi seseorang lelaki itu lebih tua atau matang daripada si wanita kerana dia perlu menjadi ketua keluarga, memimpin dan perlu membuat keputusan dalam semua perkara yang berkaitan. Jika diimbak kembali, Rasulullah s.a.w. pernah menikahi dua wanita yang juga isterinya, Khadija dan Sauda yang mempunyai umur yang lebih tua berbanding baginda. Namun mereka tetap hidup bahagia, aman dan harmoni. Jika dibandingkan dengan masyarakat kita pada hari ini, tahap kematangan masyarakat Arab adalah lebih awal matangnya daripada masyarakat kita pada hari ini. Oleh itu, tahap kematangan seseorang itu amatlah penting dalam mendirikan mahligai cinta mereka agar berkekalan buat selama-lamanya.

Keserasian

Kedua-dua pasangan perlulah ada tahap keserasian yang hampir sama atau sama. Hal ini adalah amat penting kerana dengan adanya tahap keserasian ini, mudah bagi si isteri untuk memahami si suami dan sebaliknya. Tahap keserasian antara kedua-dua pasangan adalah penting dalam pelbagai perkara terutamanya status sosial, tahap pendidikan dan tarikan fizikal. Hal ini memudahkan lagi bagi pasangan tersebut memahami antara satu sama lain.

Penetapan Mas Kahwin

Penetapan harga dalam mas kahwin adalah sesuatu perkara yang juga diambil perhatian dalam Islam. Perletakkan mas kahwin yang tidak terlalu tinggi dan tidak terlalu rendah sangat member makna yang besar kepada wanita yang ingin dikahwininya. Mas kahwin itu mestilah tidak terlalu tinggi dan tidak membebankan kedua-dua belah pihak. Dibalikannya, jika mas kahwin itu terlalu rendah, ia boleh dianggap seolah-olah pengantin perempuan itu tidak berharga. Oleh itu, penetapan mas kahwin perlulah sesuai dan boleh diterima oleh semua pihak supaya memberi kebahagiaan dan kepuasan kepada kedua-dua belah pihak.

Persetujuan Pasangan Pengantin

Persetujuan pasangan untuk menikahi antara satu sama yang lain adalah penting dan diambil berat dalam Islam kerana keserasian dalam membina istana cinta adalah datang dari kedua-dua belah pihak. Kedua-duanya perlulah menikahi antara satu sama yang lain atas kehendak bebas dan tanpa paksaan atau penindasan daripada mana-mana pihak. Jika terdapat paksaan daripada mana-mana pihak, keserasian antara pasangan mungkin susah untuk dikecapi dan boleh membawa kepada keruntuhan rumah tangga itu sendiri.

Isteri atau Suami Soleh

Selain itu, Islam amat mementingkan soal aqidah seseorang itu dalam membina mahligai cinta. Pada pandangan Islam kedua-dua pasangan

haruslah yang soleh dan solehah serta mempunyai tingkah laku yang baik. Hal ini amatlah penting setelah mereka memiliki anak dan perlu memberi didikan agama yang secukupnya agar menjadi anak yang soleh serta solehah. Kedua-dua pasangan perlulah saling bantu antara satu sama yang lain dan sentiasa menerima dugaan Allah S.W.T. sebagai pendorong untuk mendekatkan diri kepadanya.

Islam tidak hanya menumpukan soal perkahwinan ini hanya kepada pasangan yang ingin berkahwin malahan penekanan juga perlu diberikan kepada kedua-dua keluarga si pengantin. Kedua-duanya perlulah mengisytiharkan sejak mula niat sebenar atau tujuan mereka mengahwini kedua-dua pasangan ini agar ikatan ini terjalin dengan kukuh hingga ke akhirnya. Komitmen ini amat diperlukan bagi mengelakkan daripada berlaku perkahwinan kontrakataupun agenda lain (Jawad H. A., 1998: 45).

Islam sangat menentang semua perkahwinan yang bersifat sementara dan tidak berkekalan. Nabi Muhammad s.a.w. dalam satu kenyataan, baginda menjelaskan bahawa baginda mengecam orang lelaki dan wanita yang menikmati bertukar-tukar pasangan (perkahwinan sementara) dan member amaran kepada mereka terhadap perbuatan mereka itu. Namun penceraian dalam Islam adalah digalakkan bagi pasangan yang sudah tidak sesuai utk hidup bersama lagi, tetapi ia adalah tidak digalakkan oleh Rasulullah s.a.w.

Dalam proses peminangan, pihak lelaki tidak semestinya menghantar pinangan kepada pihak perempuan sahaja malahan pihak perempuan juga boleh menghantar pinangan kepada pihak lelaki yang dia minati, sama ada secara oral atau bertulis. Jika terdapat paksaan dalam perkahwinan, wanita itu berhak tampil di mahkamah untuk membetulkan yang salah (Jawad H. A., 1998: 47).

Manakala bagi wanita yang diceraikan (janda) atau kematian suami (balu), mereka ini mempunyai hak untuk berkahwin lain tanpa ada sebarang syarat yang tertentu. Dalam al-Quran tercatat bahawa wanita yang berstatus balu dan janda dibenarkan bertunang dalam tempoh peralihan (iddah). Tetapi masyarakat berfikir bahawa adalah lebih baik bagi seseorang wanita yang kematian suaminya supaya menunggu sehingga iddah yang habis bagi menghormati permegian suaminya.

Islam tidaklah menganggap perkahwinan itu satu perkara yang boleh diambil mudah dengan begitu sahaja dan sentiasa berfikir bagi memberi kebahagiaan kepada pasangan yang ingin membina sebuah mahligai istana yang akan bersamanya dalam semua keadaan buat selama-lamanya.

KONTRAK DALAM PERKAHWINAN

Ikatan perkahwinan adalah sejenis kontrak suci di antara seorang suami dan isteri. Ia adalah kontrak yang dipenuhi oleh nilai-nilai keagamaan, moral dan kerohanian. Walaupun begitu, sama seperti mana-mana kontrak lain, sesuatu kontrak perkahwinan (akad) hanya boleh diadakan melalui rukun tawaran dan penerimaan oleh kedua-dua belah pihak. Masyarakat kita juga lebih mengenalinya sebagai ijab kabul. Hal ini termasuklah syarat-syarat kepada perkahwinan tersebut atau lebih dikenali sebagai taklik. Syarat kepada perkahwinan atau apa-apa tambahan syarat seharusnya dilakukan dengan persetujuan kedua-dua belah pihak. Hal ini juga adalah bersamaan dengan undang-undang kontrak yang lain.

Ikatan perkahwinan dalam Islam memerlukan kontrak yang sah bagi mengikat kata-kata dan janji diantara pengantin lelaki dan wanita sekiranya sesuatu yang tidak diingini dalam perkahwinan berlaku. Kontrak ini ialah sejenis dokumen bertulis diantara dua orang dewasa yang mengandungi tawaran atau lamaran dan penerimaan yang bersaksikan dua orang saksi yang adil.

Majlis pernikahan atau majlis melafaz ikrar dalam penyatuan dua jiwa ini selalunya dilangsungkan di masjid dan surau. Majlis ini selalunya dijalankan oleh qadi. Sewaktu majlis ini berlangsung, persetujuan bakal isteri itu adalah penting kerana setelah proses melafazkan ikrar ini dijalankan dia sudah bergelar isteri kepada lelaki itu dan boleh digambarkan bahawa seluruh jasad dan jiwanya adalah milik suaminya secara sah. Sebarang paksaan atau penipuan dalam perkahwinan terutamanya berkaitan dengan kontrak perkahwinan akan terbatal secara automatik dan kontrak itu sudah dianggap tidak sah.

Dalam kontrak itu, wanita berhak menetapkan syaratnya sendiri mengikut kemahuan dan keinginannya. Antara perkara yang selalu dititikberatkan adalah berkaitan kehidupan semasa berstatus suami isteri dan haknya jika berlaku penceraian.

Selain itu, pemberian mas kahwin juga mempunyai syarat yang tertentu dan perlu dipatuhi oleh kedua-dua pasangan. Jika berlaku penceraian, mas kahwin itu adalah hak milik si isteri jika dia mempunyai hak keatasnya dan tidak boleh dipindah milik oleh kepada sesiapa pun walaupun saudara yang terdekat. al-Quran pernah menjelaskan tentang pemberian mas kahwin yang diterjemahkan bahawasanya berilah mas kahwin itu sebahagai hadiah yang percua kepada bekas isteri tetapi jika mereka mahu member sebahagian daripadanya kepada bekas suaminya, maka ia adalah sah kepada bekas suaminya.

Adalah lebih baik penceraian itu dielakkan walau terdapat banyak halangan dihadapannya kerana sesungguhnya setiap yang berlaku itu merupakan dugaan daripada Yang Maha Esa kepada hambanya bagi menguji tahap keimanan dan ketaatan kepada perintahNya.

Setelah perkahwinan dilangsungkan, pasangan itu perlulah berusaha mencari dan menikmati keamanan serta ketenangan yang ada pada kedua-duanya dan tidak hanya menumpu kepada hubungan seks malahan mereka seharusnya berkasih sayang dan berbelas kasihan antara satu sama yang lain. Dalam kitab suci al-Quran dicatatkan bahawa sesungguhnya perkahwinan itu seolah-olah seperti sebidang kain yang meliputi suami atau isteri dengan kehangatan, perlindungan dan kesopanan, pada masa yang sama pasangan tersebut perlu member kehangatan dan keselesaan antara satu sama yang lain (Jawad H. A., 1998: 48).

Untuk mengekalkan kebahagiaan dalam rumah tangga, kedua-duanya perlulah setia, jujur, berterus-terang dan sentiasa meletakkan kepercayaan antara satu sama yang lain. Hal ini adalah penting bagi setiap pasangan itu kerana dapat menyindari daripada perasaan prasangka yang boleh memecahbelahkan keutuhan rumah tangga tersebut. Pada masa ini, kesedaran dan kematangan suami amatlah penting dalam mengawal keadaan secara teratur.

Suami haruslah mempunyai kesedaran yang tinggi atas tanggungjawab yang perlu dipikulnya, dan tidak menyalahgunakan kuasa yang ada padanya sebagai ketua keluarga dan ini pernah disebut dalam al-Quran. Jika penyalahgunaan kuasa ini berlaku, isteri berhak untuk tampil dan menyatakan kebenaran bagi membetulkan sesuatu yang salah.

Oleh yang demikian, Islam meletakkan garis panduan yang harus diikuti kerana perkahwinan dan hak wanita amatlah dititikberatkan kerana mempunyai tanggungjawab yang besar kepada suami dan zuriat yang dilahirkannya.

PENUTUP

Akhir kata, peraturan atau syarat dalam Islam terutamanya berkaitan dengan soal perkahwinan adalah jelas dan kearah keharmonian hukum alam. Dalam pertimbangan fisiologi dan psikologi lelaki dan wanita, kedua-duanya mempunyai hak yang sama rata and saling menuntut antara satu sama yang lain, kecuali untuk satu tanggungjawab yang besar, iaitu kepimpinan. Perkara ini tidak boleh disangkal lagi bahawasanya lelaki adalah pemimpin dalam semua perkara termasuklah dalam soal berumah tangga. Islam adalah sebuah agama yang adil dalam semua perkara, dalam segala hal tanpa mengira jantina, bangsa mahupun agama. Sesungguhnya keadilan itu adalah miliknya Yang Maha Adil dan Bijaksana dalam semua perkara, Allah S.W.T. Sekian.

RUJUKAN

- Al-Quran Darul Iman, diterbitkan oleh Pustaka Darul Iman, al-Quran dan terjemahannya.
- Jawad H. A. 1998. *The Right Of Women In Islam*. New york, Macmillan Press LTD,
- Abduljalil Hammad. 1997. *The Family In Islam*. (Diterjemahkan oleh Ahmed Meziani). Moroko: Islamic Education, Scientific and Cultural Organisation (ISESCO).
- Muhammad Rasheed al-Uwayyed. T. T. *Women Finally On the Shores of Islam*. (Diterjemahkan oleh Noha Kamal Ed-Din Abu al-Yazid). Mesir: Dal al-Manarah.
- Tanpa Pengarang. 2012. *Wikipedia Online*. http://ms.wikipedia.org/wiki/Perkahwinan_menurut_Islam, (20 April 2012).